

Tunggu keputusan Kementerian Kewangan

# BB Plaza milik Tradewinds?

**KUALA LUMPUR** 4 Julai - Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) yang sebelum ini kecoh kerana bakal dirobohkan bagi memberi laluan projek MRT, bakal menjadi milik Tradewinds Corp. Bhd. (Tradewinds).

Sumber berkata, Tradewinds telah pun meletakkan wang pendahuluan sebagai bukti kesungguhan syarikat itu untuk membeli BB Plaza pada harga RM350 juta.

Menurut sumber, jumlah RM350 juta itu membabitkan harga bangunan dan tanah yang menempatkan bangunan milik UDA Holdings Bhd.

Difahamkan hasrat Tradewinds itu akan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah UDA dalam

tempoh terdekat ini.

"Sekiranya Lembaga Pengarah UDA bersetuju, cadangan Tradewinds itu akan dipanjangkan kepada Kementerian Kewangan (MoF).

"Sebarang keputusan berhubung cadangan Tradewinds itu adalah keputusan MoF kerana UDA dimiliki sepenuhnya oleh kementerian tersebut," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ini bermakna, seandainya MoF memberi 'lampu hijau' terhadap cadangan Tradewinds itu, hak milik BB Plaza bakal bertukar tangan sepenuhnya.

Bagaimanapun difahamkan daripada perbincangan asal antara UDA dan Tradewinds, pembelian

itu akan menyaksikan UDA diberi sedikit kepentingan dalam BB Plaza.

Namun perkara itu masih belum dibincangkan secara terperinci.

Dalam perkembangan yang lain, UDA kini dikatakan sedang dalam perancangan untuk berpindah ke bangunan yang bakal menempatkan ibu pejabat baru.

Sumber berkata, keputusan masih belum diputuskan, sama ada untuk berpindah ke Kompleks Pertama atau Bangunan Cahaya Suria.

Perpindahan itu bakal membabitkan seramai 400 kakitangan UDA yang kini beroperasi di BB Plaza.

BB Plaza yang menjadi impian Tradewinds. - GAMBAR HIASAN

